

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

RAYUAN

1. **S: Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan BSH 2020?**
J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan BSH 2020 adalah:
i. Pemohon yang berstatus Tidak Lulus BSH 2020; atau
ii. Pemohon yang berstatus Lulus BSH 2020 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak dan perubahan pendapatan sahaja.
2. **S: Saya telah membuat semakan status permohonan BSH 2020 dan didapati permohonan saya berstatus Tidak Lulus. Bilakah Rayuan BSH 2020 bermula?**
J: Rayuan BSH 2020 boleh dibuat di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran **mulai 07 Ogos 2020 sehingga 06 September 2020** (tertakluk pada pindaan). Tarikh dan masa pembukaan kaunter BSH 2020, rujuk Jadual Pembukaan Kaunter BSH 2020 pada Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>.
3. **S: Adakah Permohonan Rayuan BSH 2020 boleh dibuat secara dalam talian?**
J: Ya. Permohonan Rayuan BSH 2020 boleh dibuat secara dalam talian di Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>.
Walau bagaimanapun, Permohonan Rayuan BSH 2020 secara dalam talian hanya dibenarkan untuk pemohon berstatus tidak lulus dengan **satu (1) Kod Alasan Tidak Lulus sahaja dan Status Lulus bagi Rayuan Tambahan** seperti di bawah:

1.	RAYUAN (PERMOHONAN TIDAK LULUS BSH 2020)	
	KOD TIDAK LULUS	ALASAN TIDAK LULUS
i.	05	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang
ii.	07	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000
iii.	09	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,000
iv.	12	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
v.	13	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
vi.	34	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
2.	RAYUAN TAMBAHAN (PERMOHONAN LULUS BSH 2020)	
	Rayuan dibenarkan bagi tambahan Anak dan pendapatan	

4. **S: Bagaimanakah Permohonan Rayuan BSH 2020 secara dalam talian boleh dilakukan?**

J: Permohonan Rayuan BSH 2020 secara Dalam Talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu **MyBSH > Permohonan Rayuan**. Log masuk MyBSH memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini.



Sekiranya masih belum mendaftar MyBSH, kaedah pendaftaran MyBSH boleh rujuk Panduan Pengguna MyBSH / Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MyBSH pada Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>.

5. **S: Adakah saya perlu memuatnaik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan Dalam Talian?**

J: Permohonan Rayuan yang dibenarkan secara Dalam Talian tidak perlu memuatnaik dokumen sokongan. Ini kerana semakan dilakukan 100% berdasarkan data yang diterima daripada agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

6. **S: Saya membuat Permohonan Rayuan secara dalam talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi Permohonan Rayuan. Adakah saya masih boleh membuat Kemas Kini Rayuan secara dalam talian?**

J: Permohonan Rayuan secara dalam talian **hanya boleh dibuat sekali sahaja**. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, tuan boleh menghantar Kemas Kini Rayuan Ke Cawangan LHDNM dengan mengisi Borang Rayuan BSH 2020 (BK-07).

7. **S: Saya telah membuat Permohonan Rayuan secara dalam talian. Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan semula Permohonan Rayuan yang telah saya hantar?**

J: Tuan boleh membuat semakan semula di Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> pada Menu **MyBSH > Maklumat Rayuan**. Cetakan juga boleh dibuat pada Menu berkenaan.

8. **S: Saya berstatus Tidak Lulus tetapi tidak dibenarkan membuat Rayuan secara dalam talian. Adakah saya perlu mengisi sebarang borang untuk membuat Rayuan BSH 2020?**

J: Rayuan secara manual boleh dilakukan dengan mengisi Borang Rayuan BSH 2020 (BK-07) dan kemukakan bersama dokumen sokongan yang berkaitan ke Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran. Borang Rayuan BSH 2020 boleh dimuat turun pada Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>.

9. S: Permohonan BSH 2020 suami saya berstatus tidak lulus dan beliau juga telah meninggal dunia. Adakah saya perlu membuat Permohonan Rayuan ke atas permohonan tidak lulus berkenaan?

J: Sekiranya tarikh kematian pemohon adalah mulai 1 Februari 2020 sehingga tarikh semasa, tuan boleh membuat Permohonan Rayuan ke atas permohonan pemohon. Manakala bagi kematian pemohon bertarikh sebelum 1 Februari 2020, tuan boleh hadir ke Cawangan LHDNM untuk membuat Permohonan Baru Rayuan.

10. S: Saya adalah penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) tetapi semakan permohonan BSH 2020 adalah Tiada Rekod. Adakah saya boleh membuat Permohonan BSH 2020 semasa tempoh rayuan?

J: Tuan boleh membuat Permohonan Baru BSH 2020 semasa tempoh rayuan sekiranya tuan telah diluluskan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi kategori B40 iaitu jumlah kelulusan RM1600 / RM800. Permohonan Baru BSH 2020 boleh dibuat secara manual ke Cawangan LHDNM. Rujuk Jawapan bagi Soalan 8.

11. S: Saya adalah penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan juga telah memohon BSH 2020, adakah Permohonan Rayuan BSH 2020 saya boleh diluluskan?

J: Bantuan Prihatin Nasional (BPN) adalah bantuan yang berbeza dari Bantuan Sara Hidup (BSH). Oleh itu, Permohonan Rayuan BSH 2020 akan disemak dan kelulusan diberikan berdasarkan syarat kelayakan BSH serta semakan agensi yang telah ditetapkan oleh MoF dan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan (jika berkenaan). Permohonan Rayuan BSH 2020 akan dipertimbangkan sekiranya melepasi syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

PENGESAHAN PENGENALAN KOD ALASAN 01 / 02 / 03

12. S: Saya tidak lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan BSH 2020?

J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan adalah Dokumen asal / salinan MyKAD tuan. Pemprosesan rayuan akan dibuat berdasarkan semakan maklumat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

13. S: Saya tidak lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan semakan data JPN. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan BSH 2020?

J: Tuan perlu hadir ke Cawangan LHDNM dengan membawa dokumen seperti berikut:

- i. **Pengesahan Pengenalan Pasangan:** MyKAD / MyPR / MyKID / MyKAS Pasangan.
- ii. **Pengesahan Pengenalan Anak:** MyKad / MyKid dan Sijil Lahir Anak. Semakan pengenalan dan status Warga negara Anak akan dibuat dengan data JPN.

PENGESAHAN PENDAPATAN

KOD ALASAN 07 / 08 / 09

14. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000 (bagi kategori Isi Rumah) / pendapatan Pemohon melebihi RM2,000. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan BSH 2020?

J: Tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian pendapatan tuan atau pasangan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Permohonan Rayuan BSH 2020 boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

15. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM4,000 termasuk perniagaan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian pendapatan tuan atau pasangan. Semakan pendapatan dan pemilikan perniagaan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Permohonan Rayuan boleh dibuat oleh tuan secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

16. S: Apakah pendapatan yang diambil kira bagi penentuan kelayakan BSH 2020?

J: Pendapatan yang diambil kira adalah 100% berdasarkan data yang diterima daripada agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

**PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN
KOD ALASAN 11 / 12 / 13 / 14**

- 17. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah Kod Alasan Tidak Lulus 11 iaitu Pemohon / Pasangan memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Dokumen yang perlu dikemukakan adalah Sijil Pendaftaran Perniagaan bagi mengesahkan pemilikan perniagaan berkenaan adalah milik tuan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menetapkan bagi pemohon yang memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian tidak layak menerima BSH 2020.
- 18. S: Saya / Pasangan merupakan Pemegang saham bagi sebuah syarikat. Apa dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Sekiranya tuan / pasangan adalah Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / memiliki Perkongsian Liabiliti Terhad, tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian perniagaan kerana semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).
- 19. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan telah tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat Rayuan BSH 2020?**
- J: Tuan boleh membuat Permohonan Rayuan BSH 2020. Walau bagaimanapun semakan akan dibuat dengan agensi dan sekiranya tuan / pasangan masih wujud sebagai Pemegang Saham Syarikat / syarikat masih aktif, rayuan tuan tidak akan dipertimbangkan.
- 20. S: Permohonan saya tidak lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?**
- J: Tuan boleh membuat Permohonan Rayuan BSH 2020. Walau bagaimanapun, sekiranya semakan dibuat berdasarkan data agensi yang diterima dan nama perniagaan berkenaan masih dimiliki oleh tuan / pasangan, perniagaan akan dikira sebagai perniagaan tuan / pasangan.

**PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN
KOD ALASAN 15**

21. **S:** Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Pemohon / pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40). Kenderaan berkenaan digunakan oleh ibu bapa saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan BSH 2020?
- J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM bagi penentuan kelayakan BSH 2020:
- i. Dokumen penukaran hak milik kenderaan; **atau**
 - ii. Dokumen penjualan / pelupusan kenderaan

**PENGESAHAN PEMILIKAN KEDIAMAN
KOD ALASAN 17**

22. **S:** Permohonan saya tidak lulus kerana semakan agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan. Saya tidak lagi menetap di kediaman berkenaan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan BSH 2020?
- J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM bagi penentuan kelayakan BSH 2020:
- i. Dokumen Pindah Milik / Penjualan Rumah / Cukai Tanah / Cukai pintu; **atau**
 - ii. Penjanjian sewa bagi yang mempunyai rumah sewa

**PENGESAHAN STATUS PERKAHWINAN
KOD ALASAN 28 / 29 / 30**

23. **S:** Permohonan saya tidak lulus kerana Status Perkahwinan Perlu Pengesahan. Apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?
- J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen sokongan bagi pembuktian status perkahwinan terkini (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) bagi pertimbangan Rayuan seperti berikut:
- i. Sijil Perkahwinan / Perceraian sebelum atau pada 15 Mac 2020; atau
 - ii. Sijil Kematian pasangan sehingga tarikh semasa

**DUPLIKASI PERMOHONAN
KOD ALASAN 18 / 19 / 20 / 21 / 22 / 23 / 24**

24. S: Saya membuat permohonan BSH 2020 dan tidak lulus kerana berlaku pertindihan maklumat. Adakah saya boleh membuat Rayuan BSH 2020?

J: Tuan boleh membuat Rayuan BSH 2020 dengan mengemukakan dokumen sokongan bagi pembuktian status perkahwinan terkini (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) bagi pertimbangan Rayuan BSH 2020. Perubahan status perkahwinan (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) yang dipertimbangkan adalah sebelum atau pada 15 Mac 2020.

25. S: Saya telah bercerai dan membuat Permohonan Baru BSH 2020 dengan status Ibu Tunggal. Semakan mendapati permohonan saya tidak lulus kerana berlaku pertindihan maklumat di permohonan bekas pasangan. Adakah saya boleh membuat Rayuan BSH 2020?

J: Tuan boleh membuat Rayuan BSH 2020 dengan mengemukakan dokumen sokongan bagi pembuktian status perkahwinan terkini (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) untuk pertimbangan Rayuan.

- i. Sekiranya permohonan BSH 2020 bekas pasangan adalah Lulus dan tuan adalah penerima bayaran BSH 2020, Rayuan tuan tidak boleh dipertimbangkan.
- ii. Sekiranya tuan bukan penerima bayaran BSH 2020 di permohonan bekas pasangan, Rayuan tuan boleh dipertimbangkan dengan membawa dokumen sokongan status perkahwinan terkini.

ALASAN KOD-KOD LAIN TIDAK LULUS

26. S: Saya diluluskan BSH dengan amaun kelulusan RM500 (kategori pendapatan RM3,001 – RM4,000). Saya tidak bekerja mulai 1 Februari 2020. Adakah saya layak membuat Rayuan BSH 2020?

J: Tuan boleh membuat Rayuan Tambahan dan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian pendapatan tuan atau pasangan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Permohonan Rayuan Tambahan bagi perubahan pendapatan boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

27. Permohonan saya tidak lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang (Kod 05). Adakah saya layak untuk membuat Rayuan BSH 2020 dan apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan?

J: Tuan boleh membuat Rayuan BSH 2020 sekiranya berumur kurang 40 tahun dan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM). Sekiranya Rayuan BSH 2020 secara dalam talian tidak dibenarkan, tuan perlu kemukakan Rayuan secara manual dengan mengemukakan bersama Kad OKU (asal dan salinan) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke Cawangan LHDNM berhampiran.

28. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan mendapati anak mempunyai pendapatan yang tinggi (Kod 36). Adakah saya layak untuk membuat Rayuan BSH 2020 dan apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan?

J: Kerajaan telah menetapkan bagi Ibu Bapa yang mempunyai anak berpendapatan tinggi, Bantuan BSH 2020 dari Kerajaan tidak layak diterima. Ini bertujuan mewujudkan Keluarga Penyayang di Malaysia. Walau bagaimanapun, tuan boleh membuat Rayuan tanpa perlu kemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dibuat semula berdasarkan data agensi bagi penentuan kelayakan BSH 2020.

29. Maklumat anak saya adalah Tidak Layak kerana tidak melepasi syarat kelayakan umur lebih 18 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa tetapi anak saya masih lagi belajar. Adakah saya masih boleh membuat rayuan tambahan bagi maklumat anak tersebut?

J: Rayuan tambahan boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2019.

30. S: Apakah Dokumen Sokongan yang perlu dibawa semasa BSH 2020?

J: Dokumen sokongan yang perlu dibawa semasa BSH 2020 adalah berdasarkan Kod Tidak Lulus BSH 2020 seperti di bawah:

KOD TIDAK LULUS BSH 2020 DAN DOKUMEN SOKONGAN

KOD TIDAK LULUS		PENERANGAN
01	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD Pemohon
02	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan

03	ALASAN	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan status Kewarganegaraan)
04	ALASAN	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
05	ALASAN	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF); atau ii. Jika tidak wujud, dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: • Kad OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
06	ALASAN	Semakan agensi mendapati Anak tidak melepasi syarat kelayakan bagi umur lebih dari 18 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2019
07	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
08	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000 termasuk Perniagaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan pendapatan dan perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) ii. Dokumen Tamat Perniagaan dalam tempoh sehingga 30 Jun 2020
09	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,000
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
10	ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

11	ALASAN	Pemohon / Pasangan memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Permohonan dipertimbangkan sekiranya pemohon dan pasangan memiliki perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian yang sama i. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Pendaftaran Perniagaan; atau • Dokumen Tamat Perniagaan dalam tempoh sehingga 30 Jun 2020
12	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
13	ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
14	ALASAN	Pemohon memiliki Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
15	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Pemohon / pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen penukaran hak milik Kenderaan; atau ii. Dokumen penjualan / Pelupusan Kenderaan
16	ALASAN	Maklumat pengenalan pasangan perlu pengesahan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Dokumen Pengenalan Pasangan
17	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen Pindah Milik / Penjualan Rumah / Cukai Tanah / Cukai Pintu ii. Perjanjian sewa bagi yang mempunyai rumah sewa
18	ALASAN	Pemohon wujud sebagai pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Status Kahwin <ul style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah

		<p>Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p> <p>ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
19	ALASAN	Pemohon wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pemohon
20	ALASAN	Pasangan wujud sebagai pemohon di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p> <p>ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
21	ALASAN	Pasangan wujud sebagai pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p>

		<p>ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
22	ALASAN	Pasangan wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pasangan
23	ALASAN	Anak telah membuat permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120
24	ALASAN	Anak wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120
26	ALASAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan; dan</p> <p>c) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p>
28	ALASAN	Status Perkahwinan perlu pengesahan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p>
29	ALASAN	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2020

		<p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
30	ALASAN	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan); atau</p> <p>c) Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)</p>
31	ALASAN	Pasangan meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Sijil Kematian Pasangan; dan</p> <p>ii. Sijil Lahir Anak (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia wujud dalam sijil lahir)</p>
32	ALASAN	Anak meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120
33	ALASAN	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Pemohon perlu hadir sendiri ke LHDNM dan membuktikan menetap di Malaysia dalam tempoh sehingga 30 Jun 2020 kecuali kategori Warga Emas pertimbangan akan terus diambil oleh LHDNM tanpa pembuktian menetap di Malaysia</p> <p>i. Penyata KWSP pemohon bagi tahun 2019 (jika terdapat potongan satu bulan dalam tahun 2019, boleh dipertimbangkan); atau</p> <p>ii. Penyata Pendapatan Tahunan pemohon (EA / EC) tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Majikan di Malaysia</p>
34	ALASAN	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>i. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia</p> <p>ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)</p>
35	ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah yang melebihi RM500,000 dalam tahun 2019
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah

		ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
36	ALASAN	Semakan mendapati Anak Pemohon / Pasangan mempunyai pendapatan yang tinggi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pendapatan anak ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

